



**JIHAD MENEGAH KEMUNGKARAN**  
12 Februari 2016M/ 3 Jamadilawal 1437H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي عَلَّمَ وَأَنْعَمَ، وَهَدَانَا بِالْقُرْآنِ لَلَّتِي هِيَ أَقْوَمُ،

قَالَ تَعَالَى: أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

لُعِنَ الَّذِينَ كَفَرُوا مِنْ بَنِي إِسْرَائِيلَ عَلَى لِسَانِ دَاوُدَ وَعِيسَى ابْنِ مَرْيَمَ ذَلِكَ بِمَا عَصَوْا وَكَانُوا يَعْتَدُونَ ﴿٧٨﴾ كَانُوا لَا يَتَنَاهَوْنَ عَنْ مُنْكَرٍ فَعَلُوهُ لَبِئْسَ مَا

كَانُوا يَفْعَلُونَ ﴿٧٩﴾

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَأَيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ، وَتَزَوَّدُوا فَإِنَّ خَيْرَ الزَّادِ التَّقْوَى، وَاتَّقُوا اللَّهَ يَا أُولِي الْأَلْبَابِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

Para tetamu Allah yang dikasihi sekalian,

Pada hari berbahagia ini, marilah kita bersama-sama meningkatkan ketaqwaan kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala titah perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita mendapat kebaikan di dunia dan di akhirat.

Dunia hari ini menyaksikan penularan virus kemungkaran dalam segenap aspek kehidupan manusia. Sama ada manusia tersebut menyedarinya atau tidak, ia lambat laun mengundang musibah yang buruk kepada individu, keluarga, masyarakat, negara, bahkan dunia. Justeru, khatib pada hari ini akan membicarakan khutbah bertajuk “Jihad Mencegah Kemungkaran”.



Muslimin yang dikasihi sekalian,

Telah menjadi *sunnatullah*, setiap sesuatu itu ada lawannya. Pertembungan antara kebaikan dan kejahatan, *ma'ruf* dan *munkar* telah berlaku sejak awal manusia diciptakan. *Munkar* secara umumnya adalah melibatkan semua perkara yang diingkari, dilarang, dan dicela pelakunya oleh syariat, juga termasuk di dalamnya semua bentuk maksiat, bid'ah dan kezaliman yang kemuncaknya adalah syirik kepada Allah SWT. Kesannya sangat besar dalam kehidupan masyarakat sehingga ia diperingatkan oleh Allah SWT kepada kita umat akhir zaman. Marilah kita hayati firman Allah SWT yang dibacakan pada permulaan khutbah sebentar tadi, iaitu ayat 78 dan 79, surah al-Maidah:

Bermaksud: "*Orang-orang kafir dari Bani Israil telah dilaknat menerusi lisan (Nabi) Daud dan (Nabi) Isa bin Maryam. Yang demikian itu, disebabkan mereka menderhaka dan melampau batas. Mereka satu sama lain tidak melarang tindakan mungkar (derhaka dan ceroboh) yang mereka buat. Sesungguhnya amat buruk apa yang telah mereka lakukan.*"

Menurut al-Maraghi, Allah SWT melaknat Bani Israil yang *kufur* terhadap kitab Zabur dan Injil. Mereka dilaknat lantaran sikap terus menerus mengerjakan perbuatan dosa dan mengingkari perintah agama. Lebih dari itu, sudah menjadi tabiat mereka tidak mahu mencegah dalam kalangan mereka yang melakukan perbuatan mungkar, meski pun ia berbahaya dan sangat keji.

Nahi mungkar adalah merupakan langkah untuk mempertahankan kesucian agama dan memelihara akhlak yang luhur daripada dipengaruhi unsur yang negatif. Apabila pengaruh agama menjadi luntur daripada hati manusia, mereka pula sudah menganggap remeh syariat Islam dan berani bersikap kurang ajar dengan memperlihatkan perbuatan dosanya, lantas menyebabkan kalangan awam mengikuti tingkah laku mereka ini seterusnya menyumbang kepada banyak kerosakan dalam kalangan masyarakat.

Ayat tersebut mengandungi ancaman terhadap perbuatan manusia yang buruk, disebabkan tingkah laku yang mungkar dan tidak mahu berhenti daripada perbuatan tersebut. Ayat ini memberi pengajaran kepada kita kaum Muslimin agar



jangan sekali-kali meniru perangai mereka. Tambah dahsyat, lisan para Rasul yang asalnya bertujuan menyelamatkan umat, telah berubah kepada membinasakan manusia lantaran keingkarannya mereka yang melampau.

Muslimin yang dimuliakan,

Manusia adalah makhluk sosial yang tidak boleh hidup tanpa bermasyarakat. Buruk manusia kerana pengaruh sekeliling dan masyarakat, begitu juga sebaliknya. Lantaran itu, Islam menitikberatkan tanggungjawab setiap individu dalam membangun dan memperbaiki masyarakat. Umat Islam tidak diajar berlepas tangan dan sekadar memerhati berlakunya kemungkaran di sekeliling mereka. Bahkan jika demikian, golongan yang tidak mencegah kemungkaran ini turut diancam dengan balasan yang buruk daripada Allah SWT. Firman Allah SWT menerusi surah al-Anfal, ayat 25:

وَأَنْفُوا فِتْنَةً لَا تُصِيبَنَّ الَّذِينَ ظَلَمُوا مِنْكُمْ خَاصَّةً وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ ﴿٢٥﴾

Bermaksud: “Dan peliharalah diri kamu daripada fitnah (siksaan) yang tidak khusus menimpa orang-orang yang zalim dalam kalangan kamu. Ketahuilah bahawa Allah sangat dahsyat balasan siksa-Nya.”

Ayat tersebut merupakan peringatan kepada orang-orang yang beriman dan kaum Muslimin bahawa fitnah berupa balasan dan seksaan Allah SWT akan datang akibat perbuatan manusia yang mungkar dan zalim. Namun demikian, fitnah tersebut tidak hanya menimpa mereka, bahkan turut menimpa orang-orang di sekeliling mereka yang tidak berusaha mencegahnya. Ia umpama seorang pemilik rumah yang tidak mengambil apa-apa tindakan apabila melihat anai-anai memakan tiang-tiang di rumahnya. Sampai suatu masa, iaitu ketika kerosakannya telah tidak mampu dibaiki lagi dan tiang-tiang tersebut telah hilang kekuatannya, rumah tersebut akan roboh meski pun terdapat berbotol-botol racun anai-anai di bawahnya. Sehubungan itu, jika manusia sanggup melakukan kemungkaran dan kezaliman secara terang-terangan, maka apakah alasan kita di hadapan Allah SWT untuk tidak mencegah dan menghalangnya? Tidak mungkin maksiat dan kemungkaran akan padam atau hilang dengan sendirinya tanpa ada sebarang usaha mencegah dan menghalangnya.



Hadirin yang dirahmati Allah sekalian,

Kisah silam banyak memberikan peringatan kepada kita khususnya berkaitan dengan sikap dan perangai Bani Israil. Al-Quran menggambarkan mereka sebagai suatu kaum yang sering mengingkari perintah Allah SWT dan menentang para rasul. Selain itu, mereka juga tiada saling mencegah kemungkaran melainkan hanya sekelompok kecil sahaja.

Bani Israil telah diperintahkan oleh Allah SWT agar menjadikan hari Sabtu sebagai hari khusus untuk beribadat kepada Allah SWT. Pada hari tersebut, Allah SWT mengharamkan mereka melakukan perkara-perkara lain termasuklah menangkap ikan dan memakannya. Namun, perintah tersebut telah diingkari oleh penduduk sebuah kampung di Madyan yang berhampiran dengan laut. Seorang penduduknya telah melakukan helah dan menangkap ikan pada hari Sabtu lalu tindakannya tersebut dituruti oleh para penduduk yang lain. Meskipun wujud segelintir kecil yang memberi peringatan dan nasihat, namun ia tidak diendahkan bahkan tindakan melanggar perintah Allah SWT semakin berleluasa. Akhirnya, Allah SWT mendatangkan balasan kepada mereka dengan menjadikan mereka sebagai kera. Kisah ini dirakamkan menerusi firman Allah SWT, surah Al-Baqarah, ayat 65:

وَلَقَدْ عَلِمْتُمُ الَّذِينَ اعْتَدَوْا مِنْكُمْ فِي السَّبْتِ فَقُلْنَا لَهُمْ كُونُوا قِرَدَةً خَاسِئِينَ ﴿٦٥﴾

Bermaksud: “Dan sesungguhnya telah kamu ketahui (perihal) orang-orang yang melanggar (perintah) dalam kalangan kamu pada hari Sabtu, lalu Kami berfirman kepada mereka: Jadilah kamu kera yang hina.”

Tetamu-tetamu Allah yang dimuliakan,

Cita-cita kita adalah mengimpikan negara, masyarakat, keluarga dan diri kita bebas daripada sebarang kemungkaran terhadap Allah SWT. Kita tidak rela akhlak dan budaya kita mungkar, sukan kita mungkar, industri kita mungkar, ekonomi kita mungkar, undang-undang kita mungkar, sosial kita mungkar, politik kita mungkar, pendidikan kita mungkar dan lain-lain tanpa kita lakukan sebarang usaha mencegahnya. Segala tanggungjawab ini tidak hanya terbeban kepada



pihak tertentu dan berwajib sahaja, sebaliknya ia menjadi fardu dan tanggungjawab ke atas setiap manusia yang mengaku beriman kepada Allah SWT dan Rasul-Nya.

Mimbar mengambil kesempatan untuk mengajak sidang jemaah sekalian supaya beristiqamah untuk menegakkan *amar ma'ruf nahi munkar* demi memastikan umat Islam di negara ini sentiasa terpelihara dari kemurkaan Allah SWT. Semoga dengan usaha tersebut, bukan sahaja dapat melahirkan masyarakat yang berjiwa Islam bahkan negara Malaysia yang tercinta ini akan sentiasa aman, sejahtera dan selamat. Marilah kita kekalkan keharmonian masyarakat serta menjauhi sebarang perbuatan atau pekerjaan yang boleh mencetuskan huru-hara dalam masyarakat.

Para tetamu Allah yang diberkati,

Mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah hayati beberapa kesimpulan sebagai renungan dan bekalan kita bersama.

**Pertama:** Masyarakat yang tidak mencegah kemungkaran yang berlaku di sekelilingnya akan mendapat laknat dan celaan daripada Allah.

**Kedua:** Ancaman azab dan seksa Allah SWT turut sama melibatkan golongan yang tidak mencegah kemungkaran.

**Ketiga:** Usaha membasmi kemungkaran bermula dengan peribadi setiap individu, keluarga, seterusnya masyarakat.

Firman Allah SWT dalam surah al-Nur, ayat 21:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
يَتَّبِعُهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَتَّبِعُوا خُطُوَاتِ الشَّيْطَانِ وَمَنْ يَتَّبِعْ خُطُوَاتِ الشَّيْطَانِ فَإِنَّهُ يَأْمُرُ بِالْفَحْشَاءِ  
وَالْمُنْكَرِ وَلَوْلَا فَضْلُ اللَّهِ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَتُهُ مَا زَكَا مِنْكُمْ مِنْ أَحَدٍ أَبَدًا وَلَكِنَّ اللَّهَ يُزَكِّي مَن يَشَاءُ وَاللَّهُ

سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿٢١﴾



Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu mengikuti jejak langkah syaitan. Sesiapa yang mengikuti langkah-langkah syaitan, maka sesungguhnya syaitan itu menyuruh mengerjakan perbuatan yang keji dan yang mungkar. Sekiranya tidak kerana kurnia Allah dan rahmat-Nya kepada kamu sekalian, nescaya tidak seorangpun dari kamu bersih (dari perbuatan-perbuatan keji dan mungkar itu) selama-lamanya, tetapi Allah membersihkan siapa yang dikehendaki-Nya. Dan Allah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui.”

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،  
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلَ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي  
وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.  
فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ .



## خطبة كدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ وَبِالصَّالِحِينَ، وَالْعَاقِبَةُ لِلْمُتَّقِينَ، وَلَا عُدْوَانَ إِلَّا عَلَى الظَّالِمِينَ،  
وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى إِمَامِ الْمُرْسَلِينَ، وَقُدُورَةِ النَّاسِ أَجْمَعِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ  
وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، الْمَلِكُ الْحَقُّ الْمُبِينُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ  
سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ، صَادِقُ الْوَعْدِ الْأَمِينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ، وَحَافِظُوا عَلَى الطَّاعَةِ  
وَحُضُورِ الْجُمُعَةِ مَعَ الْمُصَلِّينَ. وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى أَمْرُهُ بِأَمْرٍ بَدَأَ فِيهِ  
بِنَفْسِهِ وَتَنَزَّ بِمَلَائِكَتِهِ الْمُقَرَّبِينَ. فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى مُخْبِرًا وَآمِرًا بِالْمُؤْمِنِينَ :

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا

تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ  
وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا  
بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.



وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْأَرْبَعَةِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ وَعَلِيًّا، وَعَنْ أَزْوَاجِ نَبِيِّنَا الْمُطَهَّرَاتِ وَعَنْ أَهْلِ بَيْتِهِ وَقَرَابَتِهِ وَسَائِرِ الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. وَارْضَ عَنَّا بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ عَلَى السَّلَاطِينِ الْكِرَامِ وَوُلَاةِ الْمُسْلِمِينَ الْعِظَامِ الَّذِينَ قَضَوْا بِالْحَقِّ وَبِهِ كَانُوا يَعْدِلُونَ، وَخُصُوصًا عَلَى سِرِي قُدُوكِ بَكِينِدَا بِيغِ دَفْرَتَوَانِ اِكُوغِ الْمُعْتَصِمِ بِاللَّهِ مُحَمَّدِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ تَوَانِكُو الْحَاجِّ عَبْدِ الْحَلِيمِ مُعَظَّمِ شَاهِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانِ بَدَلِي شَاهِ، وَعَلَى سِرِي قُدُوكِ بَكِينِدَا رَاجِ فَرْمَايسُورِي اِكُوغِ تَوَانِكُو حَاجِهِ حَمِينِهِ.

اللَّهُمَّ أَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمُؤَدِّبِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ. اللَّهُمَّ اجْعَلْ مَالِيزِيَا وَسَائِرِ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ طَيْبَةً آمِنَةً مُطْمَئِنَّةً رَخِيَّةً، يَا رُوُوفُ بِالْعِبَادِ.

اللَّهُمَّ انصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ، وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan Yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang, kami bersyukur di atas segala nikmat dan rahmat yang Engkau kurniakan, berilah





hidayah dan petunjuk kepada kami dan pemimpin-pemimpin kami, kukuhkanlah perpaduan antara kami, satukanlah hati-hati kami di atas jalan-Mu, permudahkanlah segala urusan kami, tambahkanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, suburkanlah jiwa kami dengan akhlak yang mulia, pimpinlah kami ke jalan yang Engkau redhai, teguhkanlah iman kami dalam menempuhi segala mihnah dan ujian-Mu, kekalkanlah keamanan, keselamatan dan kesejahteraan negara kami Malaysia serta negeri kami khususnya Wilayah Persekutuan. Jauhkan kami dari sebarang pergolakkan, perpecahan dan huru-hara.

رَبَّنَا لَا تُزِغْ قُلُوبَنَا بَعْدَ إِذْ هَدَيْتَنَا وَهَبْ لَنَا مِنْ لَدُنْكَ رَحْمَةً إِنَّكَ أَنْتَ الْوَهَّابُ.  
رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.  
عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ  
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿١٠﴾  
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ  
يُعْطِكُمْ وَلِذِكْرِ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.